

29 NOV 1996

PM BERLEPAS KE JAKARTA

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Jakarta petang ini untuk menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean di ibu negara Indonesia itu esok.

Berada di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapa dan timbalan menteri Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman dan kedua-dua timbalan menteri dalam negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Encik Ong Ka Ting.

Di sidang kemuncak ASEAN itu, para pemimpin negara-negara anggota akan membincangkan mengenai kemungkin Laos, Kemboja dan Myanmar menyertai Asean.

Mereka juga dijangka membincangkan mengenai cara mempercepatkan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), hubungan baru dengan Eropah melalui forum Mesyuarat Asia-Eropah, hubungan tidak rasmi dengan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan mewujudkan hubungan ekonomi lebih rapat dengan New Zealand dan Australia. -- BERNAMA

ZAB OBA